

10 DEC 1999

REAKSI-KABINET

PERLANTIKAN SEMULA RAFIDAH ADALAH WAJAR

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- Perlantikan semula Datuk Seri Rafidah Aziz sebagai Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) adalah wajar berdasarkan kepada prestasi cemerlang yang telah dicapai dalam sektor itu, kata Presiden Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (Perdasama) Datuk Moehamad Izat Emir.

Mengulas pengumuman barisan kabinet baru oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Izat berkata kejayaan Rafidah menubuhkan Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) dan Perbadanan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) telah banyak membantu sektor perdagangan negara.

"Usahawan kita telah berjaya menjelajah ke pasaran antarabangsa dan meningkatkan hasil eksport negara," katanya ketika dihubungi di sini.

"Prestasi kecemerlangan Rafidah tidak dipersoalkan lagi dan beliau telah membuktikan keupayaannya membawa negara ke arah sektor perindustrian yang hebat sehingga dikenali di seluruh dunia."

Menurutnya, MITI turut memberi perhatian khas kepada soal membantu mempertingkatkan keupayaan dan penglibatan bumiputera dalam sektor perdagangan antarabangsa.

Katanya, Rafidah cekap dalam "mengintai" peluang-peluang pasaran baru dan seterusnya bertindak segera dengan melibatkan syarikat-syarikat tempatan terutamanya yang melibatkan peluang-peluang eksport ke negara luar.

Selain itu katanya, perlantikan Datuk Mohd Nazri Abdul Aziz sebagai Menteri Pembangunan Usahawan menggantikan Datuk Mustapa Mohamed, boleh memberi suntikan baru kepada usahawan bumiputera terutama golongan muda.

"Nazri seorang yang berpengalaman malah beliau banyak memegang portfolio dalam beberapa kementerian sebelum ini termasuk di dalam Kementerian Kewangan, dan pengalaman ini boleh digunakan untuk membantu mempertingkatkan usaha kementerian memajukan usahawan bumiputera kita," katanya.

Sehubungan itu beliau menyarankan agar Nazri turut memberi tumpuan kepada golongan usahawan dan peniaga yang sedia ada selain memberi fokus dalam mewujudkan usahawan-usahawan baru.

Selain itu Izat turut mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi atas perlantikan semula beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri. Abdullah turut dilantik sebagai Menteri Dalam Negeri.

Katanya perlantikan semula itu membuktikan kepercayaan Perdana Menteri dan rakyat tentang keupayaan Abdullah sebagai menteri kanan.

Sani berkata mesej tentang kesinambungan begitu jelas memandangkan Daim dan Rafidah masing-masing mengekalkan portfolio kewangan dan perdagangan antarabangsa dan industri.

Seorang penganalisis komoditi berkata Daim telah dua kali membantu Malaysia mengharungi kemelesetan ekonomi, pertama pada pertengahan tahun-tahun 80-an dan kedua baru-baru ini.

Katanya Dr Mahathir juga mengambil langkah bijak mengekalkan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik sebagai Menteri Perusahaan Utama.

Katanya kewibawaan Dr Lim telah terbukti melalui pencapaian industri minyak sawit di peringkat antarabangsa.

Beliau juga berkata Dr Lim ialah seorang menteri yang rajin dan bergiat cergas dalam banyak isu berkaitan dengan sektor komoditi negara ini. Semasa

kelembapan ekonomi baru-baru ini, industri minyak sawit telah mencapai prestasi cemerlang dengan meraih pendapatan kukuh.

Presiden Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (Perdasama), Datuk Moehamad Izat Emir, berkata pelantikan semula Rafidah adalah kerana kepakarannya dalam isu-isu perdagangan.

Beliau merasakan bahawa pelantikan Datuk Mohd Nazri Abdul Aziz sebagai Menteri Pembangunan Usahawan akan memberi nafas baru kepada usahawan bumiputera, terutama usahawan muda.

Ketua penyelidikan Jupiter Securities, Phua Lee Kerk, berkata barisan Kabinet baru ini adalah lanjutan Kabinet sebelum pilihan raya kecuali bagi mereka yang kalah dalam pilihan raya.

Beliau merasakan Perdana Menteri tidak mahu menukar jawatan-jawatan penting ekonomi dalam Kabinet kerana beliau mahu pemulihan ekonomi berada pada landasannya.

Menyentuh tentang ketiadaan Tengku Razaleigh Hamzah dalam barisan Kabinet, Phua berkata Dr Mahathir dan Tengku Razaleigh mungkin merasakan bahawa sekarang belum masanya bagi putera Kelantan itu dilantik selepas kegagalan Barisan Nasional menawan Kelantan.

Katanya tidak terdapat rasa kecewa di pasaran saham berhubung pelantikan-pelantikan tersebut walaupun berlaku sedikit penjualan pada kira-kira pukul 4.00 petang apabila Kabinet baru diumumkan.

Katanya adalah perkara biasa bagi pelabur-pelabur membeli sebelum satu-satu pengumuman dan menjual selepas itu untuk mendapatkan keuntungan.

Pada pukul 4.00 petang, Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur berada pada 745.44 mata tetapi pengambilan untung semasa pengumuman barisan Kabinet itu menyaksikan indeks tersebut susut kepada 740.63 sebelum pulih semula.

Indeks Komposit ditutup 6.47 mata lebih tinggi hari ini pada 743.60 selepas mencapai tahap tertinggi 747.47 hari ini.

-- BERNAMA

TM KY MA